

174
SAHAM-SAHAM DENGAN HARGA YANG MURAH DAN MENJUALNYA KEMUDIAN KEPADA ORANG LAIN DENGAN TUJUAN MENDAPATKAN UNTUNG YANG BANYAK,+ JELAS BELIAU.

MENGENAI PERBADANAN PERFILEMAN NASIONAL YANG DIURA-URAKAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TERPAKSA MENGAMBIL MASA YANG LAMA UNTUK MENUBUHKANNYA KERANA SEGALA ASPEK MENGENAINYA PERLU DITELITI TERLEBIH DAHULU.

KERAJAAN BIMBANG, KATANYA, JIKA PERBADANAN INI DITUBUHKAN SECARA TERGESA-GESA, IA MUNGKIN TIDAK DAPAT MEMENUHI HASRAT YANG DICITA-CITAKAN DI SEBALIK PENUBUHKANNYA.

+KITA TIDAK HANYA MEMIKIRKAN TENTANG PERATUS FILEM-FILEM MELAYU YANG HARUS DITAYANGKAN OLEH PANGGUNG-PANGGUNG TEMPATAN KERANA KALAU PUN INI DITENTUKAN, IA TIDAK AKAN BERERTI APA-APA KALAU TAYANGAN ITU DIBUAT DI HARI-HARI BUKAN Hujung MINGGU,+ KATANYA.

+INI SUDAH TENTU AKAN MENJEJASKAN BILANGAN PENONTON DAN AKIBATNYA KITA AKAN RUGI JUGA,+ TAMBAH BELIAU. — BERSAMBUNG 2115/AB

B598

PERHIMPUNAN-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, BEBERAPA BUAH NEGARA LAIN YANG MENGAMALKAN SISTEM DEMIKIAN TELAH MENGHADAPI KERUGIAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA SEKIRANYA TIDAK ADA APA-APA ARAL MERINTANG, RANG UNDANG-UNDANG PENUBUHAN PERBADANAN PERFILEMAN KEBANGSAAN ITU AKAN DAPAT DIBENTANGKAN DI PERSIDANGAN PARLIMEN AKAN DATANG. — BERNAMA 2120/AB